



فجابه ستياوسها كراجان نكري كلتن  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN

Tel : 09-748 1957  
Pengarah : 09-748 5826  
Faks : 09-747 0890 /  
747 4152 / 748 2652  
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami : SUK.D.200(01)423/5 jld.14 (88)  
Bertarikh : 10 Rabiulakhir 1438H  
09 Januari 2017

Ke majlis,

**Semua Ketua-Ketua Jabatan Negeri/**

**Semua Ketua- Ketua Badan Berkanun Negeri/**

**Semua Ketua-Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**

Dato'/Tuan,

**PELAWAAN MENGHADIRI KURSUS-KURSUS TEKNOLOGI MAKLUMAT SEPANJANG BULAN FEBRUARI HINGGA MEI 2017 ANJURAN INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN) akan mengadakan kursus-kursus ICT dimana penyertaannya terbuka kepada pegawai-pegawai di bawah pentadbiran Dato'/ tuan.

3. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini pohon kerjasama dan budibicara Dato'/ tuan untuk memajukan pelawaan ini kepada pegawai di jabatan/ bahagian Dato'/ tuan yang layak dan berminat. Butiran lanjut mengenai kursus berkenaan adalah seperti Lampiran A. Permohonan boleh dibuat secara *online* melalui laman web INSTUN [www.instun.gov.my](http://www.instun.gov.my). Hanya calon yang **berjaya dipilih oleh INSTUN sahaja** akan dimaklumkan secara rasmi untuk mengikuti kursus tersebut.

4. Sebarang pertanyaan mengenai kursus bolehlah menghubungi ;


- 4.1 Penolong Ketua Program : Encik Muhammad Faizal bin Abdul Rahman  
No. Tel : 05-4542825 samb. 511  
Alamat e-mel : [faizalrahman@instun.gov.my](mailto:faizalrahman@instun.gov.my)
- 4.2 Penyelaras Program : Pn. Azizah Nor binti Salleh  
No. Tel : 05-4542825 samb. 517  
Alamat e-mel : [azizahnor@instun.gov.my](mailto:azizahnor@instun.gov.my)

5. Di atas kerjasama yang diberikan oleh Dato'/ tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**\*\* ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG \*\***  
**\*\* SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT\*\***

Saya yang menurut perintah,

  
**( AB. FATTAH BIN HASBULLAH )**  
Pengarah Pengurusan Sumber Manusia  
**b.p SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

s.k.

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
2. YABhg. Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)